UNTUK SIARAN SEGERA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

BELANJAWAN 2027: MEMPERKUKUH KESEPADUAN SOSIAL DAN PEMBINAAN NEGARA BANGSA

PUTRAJAYA, 10 Oktober 2026 – Belanjawan 2027 yang berteraskan tema **"Malaysia MADANI: Menggapai di Langit, Mengakar di Bumi"** memperlihatkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan negara dilaksanakan secara seimbang, dengan mengambil kira pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan rakyat serta pengukuhan tatakelola.

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menyambut baik keutamaan Belanjawan 2027 yang turut memberi penekanan kepada pembangunan sosial, kesejahteraan masyarakat serta usaha memperkukuh perpaduan dan keharmonian dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Melalui Belanjawan 2027, **KPN menerima peruntukan sebanyak RM858,794,400** iaitu **RM793,039,400** bagi Perbelanjaan Mengurus (OE) dan **RM65,755,000** bagi Perbelanjaan Pembangunan (DE). Peruntukan ini **meningkat sebanyak 11.82%** berbanding tahun 2026, sekali gus mencerminkan keutamaan Kerajaan dalam memperkukuh agenda perpaduan, keharmonian masyarakat dan pembinaan Negara Bangsa.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata, "Belanjawan 2027 yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri selari dengan komitmen Kerajaan dalam RMK13 untuk memperkukuh pembinaan Negara Bangsa sebagai asas kepada masa depan Malaysia. **Pembinaan Negara Bangsa bukan agenda jangka pendek, sebaliknya merupakan usaha jangka panjang yang perlu dilaksanakan secara konsisten untuk membina masyarakat yang mempunyai nilai bersama, identiti nasional dan rasa kepunyaan terhadap negara**".

Belanjawan 2027 turut menyediakan peruntukkan bagi pelaksanaan pelbagai inisiatif dan pembangunan KPN yang memberi tumpuan kepada pengukuhan perpaduan dan keharmonian masyarakat. Antara fokus utama peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

i. **RM78.3 juta** bagi meningkatkan **Geran Rukun Tetangga** daripada RM6,000 kepada RM10,000 setahun bagi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) aktif, termasuk pembiayaan peralatan dan kelengkapan Skim Rondaan Sukarela (SRS);

ii. **RM48 juta** bagi pelaksanaan **Program Kembara Negara Bangsa** yang merangkumi pelbagai program kemasyarakatan, interaksi silang budaya serta inisiatif Pembinaan Negara Bangsa;

iii. **RM45 juta** bagi **projek perpindahan dan pembangunan semula Muzium Tekstil Negara di PNB Perdana**, dilengkapi sistem kawalan persekitaran dan keselamatan khusus bagi memastikan pemeliharaan serta perlindungan 594 koleksi tekstil negara;

iv. **RM45.1 juta** bagi **Inisiatif Pembaikan dan Menaik Taraf Premis-Premis Perpaduan, Muzium, Memorial, Galeri dan Pustaka Arkib di seluruh Malaysia**, termasuk pelaksanaan projek pemulihan Perpustakaan Desa dan Perpustakaan Negara Malaysia;

v. **RM2 juta** bagi memperkasa **Inisiatif Pendigitalan Khazanah Negara** melalui pendigitalan bahan audiovisual sumber Arkib Negara Malaysia serta pendigitalan tiga dimensi (3D) objek dan artifak Arkib Negara Malaysia;

vi. **RM2 juta** bagi pelaksanaan **Inisiatif Pendigitalan Premis Perpaduan** melalui peluasan rangkaian MyGOVNET ke Tabika Perpaduan, Taska Perpaduan dan Perpustakaan Desa bagi memperkukuh infrastruktur digital; dan

vii. **RM3.5 juta** bagi memperkasa **Program Tabika dan Taska Perpaduan** melalui pembekalan papan pintar dan starter kit kanak-kanak bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif.

Kementerian Perpaduan Negara akan terus komited untuk menjadi peneraju dalam membina masyarakat Malaysia yang harmoni, inklusif, dan berpaksikan nilai sejagat yang mendukung semangat Malaysia MADANI.

Kementerian Perpaduan Negara
10 Oktober 2026
KPN.100-9/1/16 (**81)**

MALAYSIA MADANI